

21 DEC 1997

Sabbaruddin-UMNO

ANGGOTA UMNO YANG DIDAKWA DIBATAL JIKA BERTANDING PEMILIHAN

KUALA TERENGGANU, 21 Dis (Bernama) -- Anggota UMNO yang pernah didakwa di mahkamah tetapi bertanding juga pada pemilihan parti tahun depan akan dibatalkan, kata Setiausaha Agung UMNO Datuk Sabbaruddin Chik.

Sabbaruddin berkata ibu pejabat UMNO, bagaimanapun, tidak dapat memastikan jumlah sebenar anggota parti yang pernah didakwa di mahkamah.

"Kita pun tak pasti...kalau dia sudah pernah didakwa dia patut tahu. Kalau dia bertanding juga, kita akan batalkan," katanya kepada pemberita selepas menutup Seminar Wawasan Pelancongan Terengganu di sini hari ini.

Sabbaruddin, yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, berkata ibu pejabat parti hanya tahu mengenai sesetengah kes tetapi jumlah sebenar tidak diketahui.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO mengumumkan selepas mesyuarat Majlis Tertinggi parti itu semalam, semua anggota parti yang didakwa di mahkamah dilarang bertanding sebarang jawatan dalam UMNO.

Sementara itu, ketika diminta mengulas kekecohan yang berlaku di beberapa bahagian UMNO akibat bahang daripada pemilihan tahun depan, Sabbaruddin berkata masalah seperti itu sepatutnya tidak berlaku.

"Perkara itu ada dibincangkan (pada mesyuarat MT) semalam. Kita tidak mahu kekecohan (dalam pemilihan)," kata beliau.

Sabbaruddin juga berkata beliau akan menyampaikan kepada Kementerian Pengangkutan mengenai saranan supaya Penerbangan Malaysia (MAS) dan syarikat penerbangan tempatan lain menambah penerbangan ke destinasi-destinasi pelancongan utama di negara ini terutama Terengganu.

"Penerbangan tambahan sangat penting kepada industri pelancongan terutama Terengganu kerana bilangan hotel yang semakin banyak," katanya.

Katanya Terengganu bukan sahaja memerlukan penerbangan terus dari Singapura tetapi juga penerbangan tambahan dari Kuala Lumpur.

Seorang peserta seminar Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah telah meminta MAS menghentikan penerbangan Singapura-Kuantan-Kuala Terengganu yang beroperasi sekarang sehingga ia dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik.

Raja Kamarul Bahrin, pemilik pusat percutian Aryani Resort di Setiu, berkata selain tambang yang mahal iaitu S\$380, penerbangan itu mengambil masa lebih dua jam kerana penumpang termasuk yang hendak ke Kuala Terengganu, juga perlu turun di Lapangan Terbang Kuantan untuk pemeriksaan imigresen.

"Saya boleh beritahu kepada Kementerian Pengangkutan tentang perkara yang dibangkitkan supaya ia boleh berbincang dengan MAS," kata Sabbaruddin.

Beliau berkata jika MAS tidak berminat untuk menambahkan penerbangan, syarikat lain seperti Air Asia boleh mengambil alih tanggungjawab itu. --
BERNAMA

SBJ AKD MAI